

Praktis PT3 4

Baca sajak di bawah dengan teliti. Kemudian, jawab soalan-soalan yang berikutnya menggunakan ayat anda sendiri.

KUINGIN BERTERIMA KASIH

- | | |
|---|--|
| <p>1 Sesekali kuingin berterima kasih kepadamu hujan bagai tetamu jiwa pun menjadi dingin api amarah pun terpadam.</p> <p>2 Sesekali kuingin menyemai budi kepadamu tanah yang hidup kerana perutmu setia menghamilkan rezeki buat petani.</p> <p>3 Sesekali kuingin berbisik kepadamu ikan-ikan yang riang liar di belantara samudera kerana sudi membebaskan derita nelayan tua di pondoknya.</p> | <p>4 Sesekali kuingin kalungkan kagum kepadamu pejuang negara kerana tanganmu pernah berdarah darah kesetiaan seorang warga kepada watan tercintanya.</p> <p>5 Sesekali kuingin pula menjadi bunga menebarkan keharuman di taman-taman keresahan hidup menyerahkan keinsafan kepada keangkuhan perang.</p> <p>6 Alangkah indahnya dunia andai semua merenung kekosongan hidup ini.</p> |
|---|--|

Ihsan Noorzali

- | | |
|--|--|
| <p>1 Maksud frasa <i>membebaskan derita</i> adalah seperti
ARAS: R</p> <p>A membawa kesusahan.
B menambah kerumitan.
C membebaskan fikiran.
D membasmi kemiskinan.</p> <p>2 Berdasarkan rangkap kedua, penyajak ingin berbudi kepada tanah kerana 'OMG ms. 74' ARAS: S</p> <p>A petani tidak mempunyai kerja lain selain daripada bertani.
B tanah subur dan boleh memberikan hasil kepada petani.
C petani ingin mencari rezeki untuk isterinya yang hamil.
D tanah itu merupakan tanah pusaka isterinya.</p> <p>3 Dalam rangkap keempat, penyajak berasa kagum terhadap pejuang negara atas beberapa sebab, kecuali 'OMG ms. 74' ARAS: S</p> <p>A mereka lari dari medan perang kerana ingin melindungi diri sendiri.</p> | <p>B mereka mempunyai rasa cinta yang mendalam terhadap tanah air.
D mereka menggadai nyawa demi negara.
C mereka berani mempertahankan tanah air.</p> <p>4 Apakah contoh penggunaan gaya bahasa metafora dalam sajak ini? ARAS: S</p> <p>A Menebarkan keharuman
B Belantara samudera
C Watan tercintanya
D Menjadi bunga</p> <p>5 Dalam rangkap kelima sajak ini dijelaskan tentang keangkuhan perang. 'OMG ms. 74' ARAS: T</p> <p>Pada pendapat anda, manakah antara berikut bukan kesan negatif peperangan?</p> <p>A Mengorbankan nyawa
B Menyebabkan kecederaan
C Memusnahkan infrastruktur
D Memutuskan hubungan sosial</p> |
|--|--|

